



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **SIARAN MEDIA**

### **PEMENANG PERTANDINGAN IDEAS4KKMM, KONGSI ASPIRASI UNTUK NEGARA**

**PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2020** – Pemenang Pertandingan Ideas4KKMM hari ini telah berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dan berkongsi aspirasi serta idea mereka dengan Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah dalam sesi meja bulat yang diadakan secara maya.

Pertandingan Ideas4KKMM bertujuan untuk mendapatkan idea dan cadangan terbaik berpandukan enam teras dalam Kerangka Pelan Strategik Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2019-2023. Sebanyak 817 penyertaan telah diterima sepanjang tempoh pertandingan dijalankan termasuk daripada warga Malaysia yang berada di luar negara iaitu dari Cologne dan Leipzig, Germany, dan Korea Selatan.

Sebanyak 10 penyertaan terbaik telah dipilih sebagai pemenang dengan hadiah pertandingan sebanyak RM1,000.00 setiap pemenang dan sijil penghargaan. Sesi meja bulat dengan 10 pemenang hari ini membincangkan cadangan berdasarkan tiga daripada enam teras strategik KKMM iaitu:

- i. Memantapkan **Infrastruktur Telekomunikasi** yang Terpercaya, Berpatutan, Berkualiti dan Kebolehcapaian;
- ii. Memacu **Ekonomi Digital** ke Arah Negara Maju; dan
- iii. Memangkin **Industri Kandungan Kreatif** yang Berdaya Saing dan Bertaraf Global.

Pertandingan anjuran KKMM ini membuat penilaian terhadap semua idea dan cadangan yang dikemukakan berdasarkan kepada empat kriteria iaitu kebolehlaksanaan, berimpak tinggi, memberi manfaat kepada golongan sasaran yang besar dan idea yang kreatif serta inovatif. Kesemua idea yang dipilih sebagai pemenang akan dibincangkan di peringkat pengurusan tertinggi untuk diteliti kesesuaian pelaksanaan melalui program atau projek sedia ada di bawah Kementerian dan agensi.

Turut serta pada sesi meja bulat ini Ketua Setiausaha KKMM, YBhg. Dato' Suriani binti Dato' Ahmad; Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), YBrs. Dr. Zakaria Abdul Hamid; Pengerusi MyCreative Ventures, Encik Mohd Naguib Razak; Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC Berhad, YBhg. Datuk Ts. Hasnul Fadhly Hasan; Ketua Pegawai Strategik Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), YBhg. Dato' Fadzli Shah; dan Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Encik Jufitri Joha.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**

**LAMPIRAN A**

**SENARAI PEMENANG PERTANDINGAN IDEAS4KKMM**

- 1. Eriezen Dickel Bin Beldon**  
**Wilayah Persekutuan Labuan**  
“Gabungan penggunaan teknologi solar dan sistem pemancar bergerak atau *mobile cell tower* khususnya di kawasan pedalaman.”
- 2. Muhammad Nur Haziman Bin Saloman**  
**Kuching, Sarawak**  
“Menaik taraf infrastruktur ICT dengan meningkatkan jumlah menara komunikasi termasuk meningkatkan dan memperluas rangkaian internet.”
- 3. Divagaar Siva**  
**Klang, Selangor**  
“*Telecommunications infrastructure must be designed to be agile and scalable such as opting-in smart lamp-poles, smart street furniture or small cells.*”
- 4. Yuvarani Loganathan**  
**Padang Serai, Kedah**  
“Membina ‘*Digital Coin*’ yang akan menonjolkan imej negara Malaysia dan Johor sebagai koloni ICT baru.”
- 5. Muhammad Ariff Bin Haidar**  
**Pendang, Kedah**  
“Menubuhkan badan profesional bagi memberi pengiktirafan kepada pemain industri kreatif.”
- 6. Muhamad Asmaadi Bin Abd Razak**  
**Pulau Pinang**  
“Penerbitan komik bertemakan kenegaraan dan patriotisme kolaborasi dengan kartunis-kartunis tempatan terkenal.”

**7. Tharani Ramalingam**

**Ipoh, Perak**

*“Encourage students from their primary school days in participating in creative campaigns, competitions and workshops.”*

**8. Muhammad Dhamir Audi Bin Azizul**

**Kuala Pilah, Negeri Sembilan**

“Memastikan kandungan kreatif memberikan kesan sosial dan ekonomi yang positif, hiburan dan peluang pasaran dengan anjakan paradigma daripada *entertainment based* kepada *knowledge based*.”

**9. Nurazlinda Binti Zolkepre**

**Johor Bahru, Johor**

“Menggalakkan semua IPT untuk menceburi bidang industri kreatif melalui program 1 Mahasiswa 1 Karya Kreatif.”

**10. Hanief Erza Bin Eri Aswandi**

**Kuala Lumpur**

“Mengkaji model Ekonomi Oren (*Orange Economy*) iaitu industri harta intelek dengan mengenal pasti karya-karya seni yang berpotensi untuk menjana pendapatan negara.”